

22/01/2001

PM minta wakil rakyat tidak lemah semangat

Wan Hazmir Bakar

SUBANG, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pelantikan beberapa senator dalam pentadbiran kerajaan pada rombakan baru-baru ini tidak mengandungi apa-apa mesej, tetapi dibuat berdasarkan pertimbangan tertentu.

Justeru, Perdana Menteri berkata kalangan wakil rakyat tidak perlu lemah semangat kerana tidak terpilih mengisi jawatan dalam Kabinet atau pentadbiran kerajaan.

"Saya kadang-kadang lantik orang yang dipilih sebagai wakil rakyat dan kadang-kadang kita terpaksa pilih orang yang belum jadi wakil rakyat dan kita beri tempat dalam Kabinet... ini bukan perkara baru, dulu pun ada juga kita buat.

"Orang politik (wakil rakyat) tidak perlu lemah semangat, mungkin akhbar yang memasukkan idea ini dalam pemikiran mereka dan sekarang ini mereka rasa lemah semangat," katanya kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di sini petang ini sekembalinya daripada lawatan kerja empat hari ke Jepun.

Antara yang hadir menyambut kepulangan Dr Mahathir serta isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Besar Selangor, Datuk Mohd Khir Toyo.

Perdana Menteri diminta mengulas pelantikan di kalangan senator bagi mengisi satu jawatan menteri, dua jawatan timbalan menteri dan satu jawatan setiausaha Parlimen dalam rombakan yang diumumkan sebelum beliau berlepas ke Jepun.

Mereka terbabit ialah Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin (Menteri di Jabatan Perdana Menteri), Senator Datuk M Kayveas (Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor (Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri) dan Senator Datuk Zainuddin Maidin (Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan).

Abdul Hamid akan dilantik sebagai senator sebelum mengangkat sumpah sebagai menteri.

Ditanya mengapa beliau melantik mereka yang bukan wakil rakyat dan tidak teruji keupayaan dalam politik, Dr Mahathir berkata beliau hanya dapat menilai keupayaan mereka selepas mereka dilantik memegang jawatan.

"Bagaimana dapat diuji mereka jika saya tidak melantik mereka. Jika anda ada soalan ujian, saya boleh bagi kepada mereka," katanya sambil menambah mereka terbabit juga mungkin perlu menghadapi pertandingan.

Ditanya mengapa beliau tidak memberi peluang kepada Ahli Parlimen yang lebih muda bagi memegang jawatan dalam kerajaan, Dr Mahathir berkata: "Tak apa, kita bagi mereka bila masa mereka tiba."

Mengenai kemungkinan ada lagi rombakan Kabinet selepas ini, Perdana Menteri berkata ia bukan satu permainan dan kerajaan tidak membuat sesuatu perubahan semata-mata untuk perubahan.

Katanya, pertukaran pemimpin tidak semestinya membawa kepada keadaan yang lebih baik begitu juga orang baru tidak semestinya lebih baik daripada mereka yang digantikan.

"Selagi kita tak buang orang... tak kacau semua itu, press (akhbar) tak seronok, tak ada news (berita). Apa yang mereka mahu ialah supaya saya pecat seluruh Kabinet, lepas itu pergi cari orang lain buat Kabinet," katanya.

Dr Mahathir berkata, di Malaysia kerajaan mempunyai matlamat tertentu apabila membuat pindaan terhadap Kabinet atau pentadbirannya.

"Mungkin di negara lain dia tukar, silap sikit dia tukar...tetapi lepas tukar macam tu juga. Tak ada apa baru yang berlaku.

"Hanya disebabkan ada perubahan kepemimpinan, ia tidak bermakna anda akan mendapat pemimpin yang lebih baik," katanya.

Mengenai cadangan Universiti Malaya untuk menutup Pusat Asasi Sainsnya, Perdana Menteri berkata beliau perlu mendapatkan maklumat penuh daripada Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sebelum membuat sebarang keputusan.

"Saya akan dapat maklumat sepenuhnya dari TPM (timbangan perdana menteri) dan lepas itu tengok apa yang patut dibuat," katanya sambil menambah pusat itu mungkin dikekalkan atau ditutup apabila ditanya mengenai keputusan yang mungkin beliau ambil.

Mengenai cadangan beliau kepada media Jepun supaya membuka pejabat wakil di rantau sebelah sini, Dr Mahathir berkata ia perlu memandangkan media negara itu kini bergantung kepada agensi berita Barat.

"Mereka tidak ada wartawan mereka di sini, dengan itu laporan yang dibuat mereka bukanlah secara langsung tetapi memetik agensi berita Barat," katanya sambil menjelaskan pihak Jepunlah sebenarnya yang mencadangkan supaya wartawan Malaysia ditempatkan di negara itu.

Semasa di Osaka, Dr Mahathir menyampaikan ucapan pada Simposium Mainichi International, kempen peringkat pertama "Wake Up Kansai" yang bertujuan memulihkan kelembapan ekonomi di wilayah Kansai.

(END)